Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

MIMBAR NAKHODA



BIL: 4/ 16 REJAB 1435H / 16 MEI 2014 **PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID**

TIGA PERKARA UNTUK MENDAPAT KEMANISAN IMAN

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : ثَلَاثٌ مَنْ كُنَّ فِيهِ وَجَدَ حَلَاوَةَ الْإِيمَانِ أَنْ يَكُونَ اللَّهُ وَرَسُولُهُ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِمَّا سِوَاهُمَا وَأَنْ يُحِبَّ الْمَرْءَ لَا يُحِبُّهُ إِلَّا لِلَّهِ تَعَلَى وَأَنْ يَكْرَهَ أَنْ يَعُودَ فِي الْكُفْرِ كَمَا يَكْرَهُ أَنْ يُقْذَفَ فِي النَّارِ. (مختصر ابن أبي جمرة)

Daripada Anas Radhiyallahu `Anhu dari Nabi Shallallahu `Alaihi Wassalam bersabda: "Tiga perkara, barangsiapa yang ada tiga perkara itu padanya nescaya dia akan mendapat kemanisan Iman iaitu, adalah Allah dan RasulNya terlebih kasih kepadanya daripada yang lain dari keduanya, dan bahawa dia kasih akan seseorang tiada kasihnya itu melainkan kerana Allah Ta'ala, dan bahawa dia benci akan kembali kepada kufur sebagaimana dia benci bahawa dia akan dicampakkan ke dalam Neraka." [Mukhtasar Ibnu Abi Jamrah]

PENGAJARAN HADITS

Hadits tersebut menerangkan bahawa tiga perkara menyebabkan seseorang akan beroleh kemanisan iman:

1. Hendaklah kasih kepada Allah dan RasulNya benar-benar lebih daripada kasihnya kepada sesuatu benda atau orang lain. Kalau demikian kasihnya itu, barulah dia mendapat kemanisan Iman yang bererti beroleh kegembiraan dan kelazatan berbuat ketaatan.
2. Hendaklah dia kasih akan seseorang daripada Anak Adam kerana Allah semata-mata. Iaitu kasihnya kepada saudaranya itu disebabkan dia pun hamba Allah dan seorang makhluk yang sama kejadian yang sama pula keturunan dan bukan kerana pangkat ataupun harta.
3. Hendaklah dia benci kembali kepada kekufuran. Kerana itu mahulah ditinggalkan segala kepercayaan yang membawa kepada menyekutukan Allah.

Inilah tiga perkara yang diterangkan oleh junjungan Shallahu`Alaihi Wassalam bagi para pengikutnya untuk memperolehi kemanisan Iman dan kelazatan 'Ibadah.

JADUAL CERAMAH MASJID JAMEK KG.NAKHODA

HARI	MASA/TARIKH	PENGAJAR
JUMAAT	KULIAH MAGHRIB – 16/5/2014	Ust. Dr. Fauzi Deraman
SABTU	KULIAH SUBUH – 17/5/2014	Ust. Fadhil Nor Abdul Karim
SABTU	KULIAH MAGHRIB – 17/5/2014	Ust. Alif Mahari
AHAD	KULIAH SUBUH – 18/5/2014	Ust. Shihabuddin Alang Mat Piah
AHAD	KULIAH MAGHRIB – 18/5/2014	Ust. Drs. Khoiruddin Mutain
ISNIN	KULIAH MAGHRIB – 19/5/2014	Ust. Muhammad Mustafa
SELASA	KULIAH MAGHRIB – 20/5/2014	Ust. Ridzuan Mat Nor
RABU	KULIAH MAGHRIB – 21/5/2014	Ust. Imran Selamat Al-Malizi

JADUAL KULIAH PENGAJIAN MASJID JAMEK KG.NAKHODA

HARI	MASA/TARIKH	PENGAJAR
SELASA	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (20/5/2014)	Ustaz Jalalluddin
RABU	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (21/5/2014)	Ustaz Jalalluddin
KHAMIS	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (22/5/2014)	Ustaz jalalluddin
JUMAAT	SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (23/5/2014)	Ustaz Jalalluddin

"Mandi tiap hari Jumaat wajib bagi setiap orang yang 'Aqil Baligh. Demikian pula menggosok gigi dan memakai wangi-wangian."
(HR Muslim)

"Barangsiapa mengetahui keburukan saudaranya, kemudian dia menutupinya, kelak pada hari Qiyamat Allah akan menutupi dosanya."
(HR Thabarani)

"Mungkin orang yang tampak kumal, kotor dan hanya mempunyai dua potong baju usang bila memohon kepada Allah, dia akan dimakbulkan."
(HR Tirmidzi)

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat, Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

KESELAMATAN DALAM AGAMA ISLAM

Dan tidak teguh ketetapan dalam Agama Islam melainkan atas dasar benar-benar menyerahkan diri dan menuntutkan keselamatan. Maka barangsiapa yang ingin mengetahui apa-apa yang ditegah dari mengetahuinya dan kefahamannya tidak mahu tunduk dengan menyerahkan dirinya, akan terhijablah keinginannya dari mendapat ketulenan Tauhid dan kesucian pengenalan Ma`rifah dan kesahihan Iman. Maka dia akan terumbang-ambing di antara kekufuran dan keimanan, di antara Tashdiq membenarkan dan Takzib mendustakan, di antara ikrar mengakui dan ingkar mengingkari, menjadi orang yang was-was, hanyut, bingung, dan bersyak keraguan, bukan sebagai orang Mukmin yang membenarkan dan tidak menafikan dan tidak mendustakan.

(Al-`Aqidah Ath-Thahawiyyah)

ABU 'UBAIDAH IBNI AL-JARRAH — TOKOH ISLAM

Abu `Ubaidah adalah di antara orang yang terawal memeluk Islam. Beliau masuk Islam sehari selepas Abu Bakr Ash-Shiddiq. Bahkan Abu Bakarlah yang mengislamkannya Dia berwajah cerah, segak bergaya, tinggi dan tidak gempal. Mata yang melihatnya akan redup teduh, diri yang menemuinya akan redup patuh, lantas hati pun tenang bersamanya. Beliau juga merupakan pemegang amanah Ummat Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam yang bernama `Aamir bin `Abdullah bin Al-Jarrah Al-Fihriy Al-Qursyi dan digelar Abu `Ubaidah.

Abu `Ubaidah telah mengalami pengalaman yang sungguh getir di Makkah dari awal hingga akhir. Bersama Ummat Islam yang lain, beliau menanggung kekerasan, penindasan, keperitan dan kepiluan yang tidak pernah dialami oleh penganut agama lain di muka bumi ini, di mana ketika perang badar beliau melibaskan pedangnya tepat ke leher seorang lelaki sehingga terputus dua dan tesungkur ke tanah di depan matanya sendiri .

Dan lelaki itu adalah `Abdullah bin Al-Jarrah, bapanya sendiri! Sehingga Allah menurunkan ayat khusus unutuk membicarakan hal keadaan Abu `Ubaidah dan ayahnya di dalam Surah Al-Mujadilah ayat ke-22. Namun beliau utuh pendirian dalam setiap ujian membuktikan kebenaran Imannya terhadap Allah dan RasulNya yang tidak berbelah bagi.

Wasiat beliau kepada tenteranya sebelum meninggal dunia,

"Aku berpesan kepada kamu sekalian dengan suatu wasiat yang jika kalian menerimanya kalian sentiasa dalam kebaikan. Dirikanlah Solat, puasalah di bulan Ramadhan, bersedeqahlah, tunaikan Haji dan Umrah, berpesan-pesan dan nasihat-menasihati para pemimpin kalian. Janganlah kalian menipu mereka, janganlah kalian dilalaikan oleh dunia. Sesungguhnya jika seseorang itu dilanjutkan usia seribu tahun sekalipun, dia pasti akan sampai ke tempat yang aku sampai sekarang ini. Assalamu`alaikum Warahmatullah."

KEMBALI PADA TUHAN

Jika engkau belum mempunyai ilmu, hanyalah prasangka,
maka milikilah prasangka yang baik tentang Tuhan. Begitulah caranya!
Jika engkau hanya mampu merangkak, maka merangkaklah kepadaNya!
Jika engkau belum mampu berdoa dengan khusyuk, maka tetaplah
persembahkan doamu yang kering, munafik dan tanpa keyakinan;
Kerana Tuhan dengan rahmatNya akan tetap menerima mata wang palsumu!
Jika engkau masih mempunyai seratus keraguan mengenai Tuhan,
maka kurangilah menjadi sembilan puluh sembilan saja. Begitulah caranya!
Wahai pejalan! Biarpun telah seratus kali engkau ingkar janji,
Ayuhlah datang, dan datanglah lagi! Kerana Tuhan telah berfirman:
"Ketika engkau melambung ke angkasa ataupun terpuruk ke dalam jurang,
ingatlah kepadaKu, kerana Akulah jalan itu."

(Maulana Jalalluddin Ar-Rumi)

FADHILAT BERZIKIR

Allah Ta'ala telah berfirman dalam Surah Al-Ahzab: 41 - 42,

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ ٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ ذِكۡرٗا كَثِيرٗا ۝ وَسَبِّحُوهُ بُكۡرَةٗ وَأَصِيلاً ۝

"Wahai orang-orang yang beriman, ingatlah serta sebutlah nama Allah untuk bersyukur kepada Allah dengan ingatan serta sebutan yang sebanyak-banyaknya. Dan bertasbihlah kamu kepadaNya pada waktu pagi dan petang."

Baginda Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam telah bersabda:

"Tiada sedekah amal kebaikan yang lebih Afdhal dari Zikrullah."

"Perumpamaan seorang yang berzikir pada TuhanNya dan seseorang yang tidak berzikir pada TuhanNya adalah seumpama orag hidup dan orang mati."

"Apabila sekumpulan jemaah duduk untuk berzikrullah, maka dengan serta-merta Malaikat Rahmat akan mengelilinginya dari segenap arah. Rahmat Allah Ta'ala meliputi mereka. Ketenteraman dan ketenangan melimpah ke atas mereka dan Allah Ta'ala akan menyebut-nyebut tentang mereka yang berzikir itu terhadap Malaikat yang berada di sisiNya."